

DEFINISI

Perkataan sastera berasal daripada bahasa sanskrit iaitu "castra". Susastera yang bermaksud kata yang membawa maksud khusus iaitu :

Su indah, baik,, lebih berfaedah

Sastera huruf atau buku

(ke) susastera (an) kumpulan buku-buku yang indah bahasanya dan baik isinya

J.S Badudu

Sastera harus ditinjau dari dua segi iaitu bahasa dan isi

Hashim Awang

Ciptaan senia yang disampaikan melalui bahasa.

GENRE SASTERA

Genre Sastera ialah kategori atau jenis karya sastera atau seni yang dicirikan dengan sesuatu gaya, bentuk atau kandungan tertentu.

KAMUS DEWAN

Hasil seni (karya tulisan) dalam bentuk prosa atau puisi yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang tertentu.

PERBEZAAN BAHAN SASTERA DAN BUKAN SASTERA

KESUSASTERAAN	BUKAN KESUSASTERAAN
<ul style="list-style-type: none"> • Sajak tentang bunga kemboja. • Novel yang mengisahkan pengembaraan dengan keretapi. • Cerita mata-mata gelap. • Drama tentang gadis menunggu telefon berbunyi. 	<ul style="list-style-type: none"> • Penerangan mengenai bunga kemboja. • Jadual perjalanan keretapi. • Berita jenayah. • Panduan telefon.

UNSUR-UNSUR DALAM KESUSASTERAAN.

Hashim Awang menjelaskan unsur-unsur dalam kesusasteraan kepada empat , iaitu :

a. Intelek.

- Menimbulkan satu-satu fikiran tertentu yang tinggi dan menarik dalam sesebuah Karya sastera.

a. Emosi.

- Membezakan di antara karya sastera dengan karya bukan sastera.

a. Imaginasi.

- Melihatkan ketajaman daya penglihatan dan pengamatan pengarang terhadap satu-satu benda dan peristiwa.

a. Teknik.

- Merangkumi cara pengarang menyusun peristiwa di dalam cerita , memilih kata-kata, mengatur rangkap-rangkap dalam sajaknya, meletakkan adengan-adengan dalam lakonannya dan lain-lain.

Kesusasteraan Melayu Klasik

-sastera tertua yang disampaikan secara lisan dan diturunkan dari satu generasi ke generasi lain yang mempunyai unsur tokoh -tambah.

-ia wujud sebelum adanya alat pencetak.

-di hasilkan sebelum tahun 1800.

-hasil yang masih tersimpan tidak kira dalam apa bentuk dan bagaimana corak.

-disampaikan dalam bentuk lisan dan sebahagian kecil dalam bentuk tulisan tangan.

-punya nilai dan ukuran yang tersendiri.

-terpancar 'worldview masyarakat'

-setiap karya adalah hak cipta bersama----- tiada nama pengarang.

-khayalan dicampuradukkan dengan kenyataan----tujuan hiburan dan pengajaran.

-mempunyai unsur-unsur setempat.

-bersifat universal.

Kesusasteraan Lisan.

- kesusasteraan yang disampaikan melalui peraturan dari satu generasi ke satu generasi yang lain.
- dikenali juga sebagai sastera rakyat
- contoh sastera lisan berbentuk cerita:
 - a. cerita asal-usul (Dongeng harimau jadian, dongeng gerhana)
 - b. cerita binatang (Cerita Sang Kancil, Pelanduk)
 - c. cerita jenaka (Pak Pandir, Pak kaduk dan Lebai malang)
 - d. cerita legenda (Mahsuri, Hang Tuah)
 - e. cerita penglipur-lara (Malim Deman, Malim Dewa, Anggun Cik Tunggal)

PERIBAHASA

-ayat atau kelompok yang mempunyai susunan yang tetap dan mempunyai pengertian yang tertentu(kamus dewan)

-juga dikenali sebagai bidalan atau pepatah

-contoh---'biar mati anak janagn mati adat'.

PANTUN

-sejenis puisi lama yang biasanya terdiri daripada empat bis pertama meraris dalam tiap-tiap rangkap (dua baris pertama merupakan pembayang maksud dan yang selainya mengandungi maksudnya (Kamus Dewan).

JENIS-JENIS PANTUN

1. Pantun dua kerat

2. Pantun empat kerat

- Pantun kanak-kanak

- Pantun jenaka

- Pantun bersukacita

- Pantun berdukacita

- Pantun kiasan

- Pantun budi

- Pantun nasihat

- Pantun agama

- Pantun kasih sayang

- Pantun nasib

3. Pantun enam kerat

4. Pantun lapan kerat

5. Pantun sepuluh kerat
6. Pantun dua belas kerat
7. Pantun tiga belas kerat
8. Pantun berkait

Contoh:

- **Pantun dua kerat**
- **Pantun kanak-kanak**

Sudah gaharu cendana pula,

Sudah tahu bertanya pula.

- **Pantun empat kerat**
- **Pantun jenaka**

Ayam disabung jantan dipaut,

Jika ditambat kalah laganya,

Asam di darat ikan di laut,

Dalam belanga bertemu jua.

- **Pantun enam kerat**

Apa di harap padi seberang,

Entah berderai entahkan tidak,

Entah dimakan pipit melayang,

Apa diharap kekasih orang,

Entah bercerai entah tidak,

Entah makin bertambah sayang.

MANTERA

- Kata atau ayat apabila diucapkan dapat menimbulkan kuasa ghaib (untuk menyembuhkan penyakit dan lain-lain), jampi. (Kamus Dewan)

TEROMBA

- Sejarah yang diceritakan dalam bentuk perbilangan, tombo, riwayat (Kamus Dewan).
- Merupakan susunan kata-kata adat.

Ciri-ciri

- Puisi bebas yang tidak tentu jumlah baris, rangkap, rima atau jumlah perkataan dalam satu baris.
- Terdapat sisipan berbagai-bagai puisi yang lain, misalnya pantun, gurindam, peribahasa dalam seuntai teromba.
- Isinya memuat hal-hal yang berhubungan dengan undang-undang, adt istiadat yang diamalkan oleh sesuatu kelompok masyarakat.
- Contohnya: Terombo dalam adat istiadat perkahwinan.

GURINDAM

- Sejenis bentuk puisi (terdiri daripada dua baris, berisi dengan pelbagai pengajaran. (Kamus Dewan).
- Dalam baris kedua termuat jawapan atau ketegasan bagi baris pertama tadi.
- Rima akhir tiap-tiap baris gurindam adalah sama.
- Jenis-jenis gurindam :-

Gurindam serangkap dua baris

Gurindam serangkap empat baris

Gurindam bebas

SELOKA

- Menurut kamus dewan seloka ialah sejenis puisi yang mengandungi ajaran (sindiran, jenaka, dll)
- Perkataan 'seloka' berasal daripada bahasa Sanskrit iaitu 'shloka'.
- Bentuk puisi lama yang ditulis secara berangkap-berangkap
- Rima akhir adalah tidak tetap
- Ia digubah sama ada mengikut bentuk pantun, syair ataupun perumpamaan
- Seloka tidak mempunyai pembayang
- Contoh seloka tiada pembayang :

Sudah bertudung terendak Bentan,

Dengan siapa saya sesalkan,

Sudah untung permintaan badan,

Pagar siapa saya sesarkan.

TEKA-TEKI

-

- Menurut Kamus Dewan teka-teki ialah soalan yang dikemukakan secara samar-samar atau rumit yang jawapannya harus diduga, soalan untuk menduga akal
- Contoh teka-teki ialah :

Kalau tuan muda teruna,

Pakai seluar dengan gayanya,

Kalau tuan bijak laksana,

Biji di luar apa buahnya ?

KESUSASTERAAN TULISAN

- Kesusasteraan tulisan ialah kesusasteraan yang disampaikan secara bertulis
- Pada awalnya, tulisan jawi digunakan untuk menulis kesusasteraan.
- Sebelum adanya alat pencetak, banyak karya sastera bertulis dengan tangan sahaja.
- Contohnya Hikayat Hang Tuah dan Sejarah Melayu
- Setelah masyarakat didatangi peradaban barat, alat cetak dan tulisan rumi di perkenalkan.
- Contoh karya-karya sastera adalah seperti Hikayat Sang Kancil
- Sastera bertulis berbentuk cerita terbahagi kepada 3 iaitu novel, cerpen dan drama.

NOVEL

-

- Menurut Kamus Dewan novel didefinisikan sebagai cerita dalam bentuk prosa, biasanya panjang dan kompleks yang berkaitan dengan pengalaman dan kelakuan sosial.
- Menurut Hashim Awang novel adalah prosa cerita yang panjang dan menceritakan kisah hidup manusia pada sesuatu tempat dan dalam suatu masa tertentu untuk menahirkan satu persoalan kehidupan yang menarik.
- Contoh novel yang terkenal ialah *Novel Siti Nurbaya*.

- Menurut Hashim Awang Novel terbahagi kepada :

Novel Perwatakan

Novel Psikologi

Novel Peristiwa

Novel Resaman

Novel Sejarah

Novel Sosial

Novel Politik

Novel Lawan Alam

Novel perwatakan

- Perlukisan dan perkembangan watak.

- Contoh : *Rentong*

Novel psikologi

- Menekankan penjiwaan watak
- Contoh : *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman*

Novel peristiwa

- Peristiwa-peristiwa menarik tetapi mungkin tidak berhubungan.
- Contoh : *Puteri Gunung Tahan*

Novel resaman

- Penceritaan tentang adat resam satu-satu masyarakat pada satu masa dan tempat tertentu.
- Contoh : *Cinta Gadis Rimba*

Novel sejarah

- Penekanan kepada kedua-dua aspek sejarah dan adat resam
- Contoh : *Panglima Awang*

Novel Sosial

Menekankan mengenai persoalan masyarakat

Contoh : *Salina*

Novel Politik

Persoalan politik

Contoh : *Krisis*

Novel lawan alam

- Kisah kawasan-kawasan tertentu
- Contoh : *Ranjau Sepanjang Jalan*

CERPEN

- Cerita pendek (Kamus Dewan)
- Cerpen ialah bentuk cereka pendek, yang membawakan satu persoalan bagi menghasilkan satu kesan tertentu yang indah. (Hashim Awang)
- Contoh : *Cerpen Ngayau* ciptaan Ali Majod.

Ciri-ciri

- Sebuah cerita atau kisah berbentuk prosa
- Menonjolkan hanya satu kesan
- Mengisahkan dengan agak terperinci suatu peristiwa
- Cerpen memperlihatkan adanya unsur-unsur dramatik. Contohnya cerpen *Segeluk Air* tulisan Khadijah Hashim.

DRAMA

- Sejenis cereka yang berbentuk lakonan : ia selalunya dipentaskan.
- Perkataan 'drama' berasal daripada bahasa Yunani yang bermaksud 'gerak'.

Sifat Drama

- Isu konflik
- Aksi fizikal atau mental
- Jangka waktu persembahan yang terbatas

Jenis Drama

- Komedi
- Tragedi
- Opera
- Pantomin
- Tragedi-Komedi

SASTERA BERTULIS BERBENTUK BUKAN CERITA

ESEI

- Menurut Kamus Dewan esei bermaksud karangan prosa (yang biasanya lebih pendek daripada tesis atau disertasi) tentang sesuatu tajuk.
- Menurut Encyclopedia Britannica bermaksud satu karangan yang berpatutan panjangnya.

SAJAK

- Menurut Hashim Awang sajak adalah puisi baru yang bebas daripada peraturan-peraturan dalam pembentukan rangkap, baris, kata-kata dan rima. Sajak bersifat demikian untuk dapat mengucapkan fikiran penyair dalam cara yang lebih indah, segar dan bebas.

SIFAT-SIFAT SAJAK

- Tidak mempunyai imbalan bunyi yang tetap
- Sajak tidak semestinya mengemukakan pertentangan bunyi atau rima akhir di hujung tiap-tiap baris ayat atau dimana-mana juga.
- Mempunyai rangkap, tetapi bilangan baris ayat pada serangkap tidaklah tetap.
- Mempunyai baris-baris ayat yang membangunkan rangkap.
- Mempunyai keharmonian atau penyesuaian yang baik antara isi dengan bahasa.

BENTUK-BENTUK SAJAK

- **Disitkhon**

Sajak yang ditulis dalam bentuk dua baris bagi tiap-tiap serangkap

- **Terzina**

Sajak yang serangkapnya terdiri daripada tiga baris

- **Quantrain**

Sajak yang rangkap-rangkapnya terbangun atas empat baris. Bentuknya lebih menyerupai pantun dan syair.

- **Quintain**

Sajak yang rangkapnya dibentuk oleh lima baris atau kalimat

- **Sextet**

Sajak yang digubah dengan pemakaian rangkap yang terdiri daripada enam baris.

- **Oktaf (stanza)**

Sajak yang rangkapnya terdiri oleh lapan baris atau kalimat

ISI DALAM SESEBUAH SAJAK

- Unsur pujaan
- Unsur keagamaan
- Unsur kesedihan
- Unsur pengajaran
- Unsur sindiran
- Unsur percintaan
- Unsur pengisahan

CARA MENIKMATI SESEBUAH SAJAK

- Mengenali sifat luar sesebuah sajak
- Mengenali gaya bahasa atau imej visual sesebuah sajak
- Mengetahui latar belakang penyair atau penulis
- Mengetahui tujuan penyair sesebuah sajak

CARA MENDEKLAMASI SAJAK

- Pemahaman
- Mimik
- Peresapan
- Gerak geri
- Pengucapan
- Daya hafal
- Daya ucapan dan irama
- Batas kalimat

KRITIKAN SASTERA

- Usaha mempertimbangkan dan menilai karya sastra secara jujur dan sistematis.
- Merupakan cabang ilmu yang mempunyai fungsi-fungsi sendiri.
- Pertimbangan dan penilaian terhadap karya –karya sastra akan diperkuat dengan alasan –alasan yang munasabah.

FUNGSI KRITIKAN SASTERA

1. Menyumbangkan pengetahuan dan seterusnya mengembangkan pengetahuan itu.
2. Memberikan bantuan besar kepada pembaca menikmati karya sastra dengan menerangkan tentang karya sastra dan pengarangnya dengan jelas.
3. Membuat perbezaan antara karya sastra yang baik dengan karya sastra yang tidak baik.
4. Memberikan keterangan kepada pengarang cara-cara hendak menyesuaikan karya sastranya dengan pembaca.
5. Menghapuskan prasangka buruk terhadap karya sastra dan juga kesusasteraan.
6. Memperkenalkan karya sastra yang baru kepada mereka yang tidak sempat membaca.

BUKU-BUKU KRITIKAN TEORI

1. Poetics oleh Aristotle
2. Principles of literary Criticism (1924) oleh L.A. Richards
3. Anatomy of Criticism (1957) oleh Northrop Frye
4. Kritikan Sastra di Malaysia

BUKU-BUKU KRITIKAN AMALI

1. Lives of the Poets oleh Dr. Johnson.
2. Essays in Criticism oleh Mathew Arnold
3. Seleted Essays oleh T>S> Eliot
4. Novel-novel Malaysia dalam kritikan susunan Hamzah Hamdani

Jenis Lain Kritikan Sastera

- Kritikan mimetik – melihat karya sastera sebagai satu perimen alam.
- Kritikan prgmatik – melihat karya sastera sebagai alat yang boleh
- Kritikan ekspresif – melihat karya sastera sebagai alat bagi pengarang menyatakan fikiran dan perasaannya

- Kritikan objektif – melihat karya sastera sebagai sesuatu yang istimewa yang boleh berdiri sendiri.

KRITIKAN SASTERA DAN ILMU-ILMU LAIN

<i>BIDANG ILMU</i>	<i>PENGGUNAAN MELAHIRKAN</i>
<ul style="list-style-type: none">• Sejarah• Sosiologi• Psikologi• Estetika	<ul style="list-style-type: none">• Kritikan sejarahan dan biografi• Kritikan sosial dan Marxist• Kritikan psikologi, Freudian dan mitos• Kritikan Formal

PENDEKATAN-PENDEKATAN DALAM KRITIKAN SASTERA

- Pendekatan moral
- Pendekatan sosiologi
- Pendekatan psikologi
- Pendekatan tipainduk
- Pendekatan struktur